

STPM Kertas 1 2015:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga objektif kawalan dalaman:

1. Melindungi aset-aset organisasi daripada kecurian, penyalahgunaan dan penggunaan yang tidak cekap.
2. Memastikan rekod-rekod perakaunan yang disediakan adalah tepat dan boleh dipercayai dan penyata kewangan organisasi memberikan satu gambaran yang benar dan saksama.
3. Mematuhi keperluan undang-undang supaya tidak menghadapi dakwaan mahkamah atau kos denda.
4. Menggalakkan pekerja-pekerja mengamalkan polisi-polisi organisasi untuk berusaha mencapai objektif organisasi secara bersama.
5. Menggalakkan kecekapan operasi supaya sumber-sumber organisasi tidak dibazirkan.

(b) Prinsip pengasingan tugas adalah satu amalan kawalan dalaman yang memerlukan individu-individu yang berbeza untuk melakukan satu tugas secara keseluruhan. Lazimnya, aktiviti penerimaan, pemegangan dan perekodan akan dipertanggungjawabkan kepada individu-individu berbeza. Misalnya, dalam proses pembelian barang niaga, seorang individu akan membuat pesanan, seorang lagi menerima barang niaga yang dipesan dari pembekal dan individu lain pula akan merekod penerimaan ini. Dengan cara ini, penyelewengan dalam organisasi dapat dikurangkan.

Prinsip pusingan tugas pula merujuk kepada amalan kawalan dalaman yang tukar ganti individu-individu yang membuat tugas tertentu supaya mereka tidak membuat satu kerja yang sama untuk satu tempoh yang lama. Misalnya, juruwang dalam sesebuah organisasi hanya akan bekerja di kaunter tunai selama sebulan sahaja. Selepas itu, individu lain pula akan mengambil tempatnya. Dengan ini, pekerja tidak akan jadi bosan dengan tugasnya dan pada masa yang sama mengurangkan penyelewengan.

(c) Prinsip kawalan dalaman yang paling sesuai dengan permasalahan atau situasi yang diterangkan.

- (1) Pekerja yang sama menerima cek pembayaran daripada pelanggan dan merekodkannya ke dalam akaun subsidiari belum terima.

Prinsip Pengasingan tugas

- (2) Tiga orang pekerja mengurus jualan tunai dengan menggunakan sebuah mesin pendaftaran tunai yang sama.

Prinsip Penetapan tanggung jawab

- (3) Sebuah kedai menjual pakaian mengalami kehilangan inventori yang tinggi kerana ada sebilangan pelanggan yang mencuba pakaian dan kemudian keluar daripada kedai tanpa membuat pembayaran.

Prinsip Kawalan fizikal

- (4) Kerani yang menyediakan pesanan belian telah membuat pesanan kepada pembekal tanpa mendapat pengesahan daripada pihak atasan.

Prinsip Kelulusan

- (5) Sebahagian daripada pembayaran tunai tidak direkodkan kerana tiada nombor rujukan baucar tunai.

Prinsip Pendokumentasian

- (6) Kehilangan tunai tidak dapat dikesan kerana penyelia tidak membuat pengiraan tunai harian.

Prinsip Verifikasi dalaman

- (7) Hanya kakitangan tertentu sahaja dibenarkan untuk mengurus penerimaan tunai.

Prinsip Penetapan tanggung jawab

- (8) Apabila pelanggan membuat pembayaran, resit dan pita mesin daftar tunai digunakan sebagai bukti penerimaan bayaran.

Prinsip Pendokumentasian

- (9) Kerani syarikat akan ditukarkan ke jabatan yang lain setiap dua tahun sekali.

Prinsip Pusingan tugas

- (10) Polisi syarikat ialah memasukkan semua tunai ke dalam bank setiap hari.

Prinsip Kawalan fizikal

- (d) Tiga batasan kawalan dalaman:

1. **Kos melebihi manfaat.** Kawalan dalaman yang lengkap atau paling berkesan memerlukan kos yang lebih tinggi untuk dilaksanakan berbanding dengan manfaatnya untuk mengatasi penyelewengan. Maka, tahap keberkesanan kawalan dalaman yang diperlukan haruslah dipertimbangkan di antara kos dan manfaat pelaksanaan.
2. **Subahat atau konspirasi.** Matlamat pengasingan tugas adalah untuk mengelakkan sebarang tindakan penyelewengan. Tetapi, penyelewengan tidak dapat dielakkan apabila pekerja-pekerja ini bersubahat untuk melakukannya. Ataupun, mereka berkonspirasi untuk membalas dendam terhadap seseorang individu.
3. **Birokrasi.** Lazimnya, sistem kawalan dalaman menetapkan prosedur-prosedur untuk tugas-tugas yang rutin. Kebanyakan daripada prosedur agak berlarutan. Ini mungkin mendesak pekerja mengambil jalan pintas untuk melaksanakan tugas. Adanya perubahan dalam persekitaran perniagaan yang memerlukan tugas-tugas baru dilakukan di mana prosedur-prosedur belum lagi ditetapkan. Maka, sistem kawalan dalaman tidak berkesan dalam keadaan begini.
4. **Pencerobohan.** Kecurian maklumat atau aset boleh dilakukan oleh pihak luar. Misalnya, "computer hackers" ingin mencero bohi sistem maklumat organisasi untuk mencuri data-data penting. Penyamun